

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

EAIC: TIADA KES TAHANAN DIDERA HINGGA MATI DI DEPOT TAHANAN IMIGRESEN JURU, PULAU PINANG


PUTRAJAYA 26 Ogos 2016 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merujuk kepada laporan media Kemboja (The Cambodia Daily) dan beberapa media tempatan pada 17 Ogos 2016 berhubung dengan dakwaan insiden penderaan beberapa warga asing (5 warga Kemboja dan 2 warga Vietnam) di Depot Tahanan Imigresen Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang sehingga mengakibatkan kematian.

Susulan daripada laporan dan pendedahan ini, EAIC telah membuat lawatan mengejut ke depot tahanan tersebut pada 22 Ogos 2016 (Isnin) yang turut disertai oleh dua orang pegawai daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Hasil daripada lawatan yang dijalankan, EAIC mendapati:

1. Dakwaan kematian warga asing dan penderaan yang dilaporkan seperti di atas adalah tidak benar dan tidak berasas.

- 10 orang tahanan wanita telah ditemubual oleh penyiasat EAIC termasuk satu-satunya wanita Kemboja yang masih ada di depot tersebut yang bernama Kheng yang berumur 18 tahun. Kheng yang ditahan mulai 1 Julai 2016 atas kesalahan tiada memiliki dokumen perjalanan yang sah telah mengesahkan layanan yang baik oleh pegawai Imigresen dan tiada tahanan yang didera sepanjang beliau berada di depot tersebut.
- Sebelum Kheng ditempatkan di depot tersebut, terdapat 17 orang warga Kemboja wanita telah ditahan di situ dari bulan Disember 2015 sehingga bulan Jun 2016. Kesemua 17 orang tahanan warga negara Kemboja tersebut telah dihantar pulang ke negara Kemboja pada 13 Julai 2016.



2. Kapasiti sel tahanan lelaki yang berlebihan

Depot Tahanan Imigresen Juru yang diwartakan bagi menampung kapasiti tahanan untuk seramai 500 orang, iaitu 350 tahanan lelaki dan 150 tahanan wanita. Ketika lawatan, terdapat 595 orang tahanan ditempatkan di dalam depot ini iaitu 472 tahanan lelaki dan 123 tahanan wanita. Pecahan mengikut warga negara asal adalah seperti berikut:


BIL	WARGANEGARA	JUMLAH
1.	Myanmar	289
2.	Indonesia	100
3.	Bangladesh	94
4.	China	25
5.	Thailand	24
6.	Nepal	14
7.	Pakistan	14
8.	India	13
9.	Vietnam	8
10.	Filipina	8
11.	Palestin	2
12.	Nigeria	1
13.	Brazil	1
14.	Laos	1
15.	Kemboja	1

3. Rekod Kematian dan Punca Kematian


- Terdapat lima kes kematian tahanan yang direkodkan di Depot Tahanan Imigresen Juru pada tahun 2015. Butiran lanjut punca kematian adalah seperti berikut:

KEMATIAN DALAM DEPOT TAHANAN				
BIL	WARGANEGARA	UMUR	TARIKH KEMATIAN	PUNCA KEMATIAN
1.	Indonesia (wanita)	49	8 Mei 2015	<i>sepsis with pneumonia</i>
2.	Indonesia (wanita)	43	30 Julai 2015	<i>sepsis as complication of diabetes mellitus</i>
3.	Kemboja (wanita)	36	18 Oktober 2015	<i>pneumonia</i>

BIL	WARGANEGARA	UMUR	TARIKH KEMATIAN	PUNCA KEMATIAN
HOSPITAL BUKIT MERTA JAM				
4.	Bangladesh (lelaki)	26	17 Julai 2015	<i>septicaemia with bronchopneumonia</i>
KEMATIAN DI HOSPITAL SEBERANG JAYA				
5.	Myanmar (wanita)	22	23 November 2015	<i>severe septic shock to 2* infective endocarditis</i>



- Satu kematian yang telah direkodkan pada tahun ini sehingga bulan Jun 2016 melibatkan seorang tahanan perempuan warga Kemboja berumur 26 tahun iaitu pada 5 Jun 2016 semasa menerima rawatan di Hospital Bukit Mertajam akibat kekurangan garam dalam badan (*cardial arrhythmia secondary to severe hypokalaemia*). Makluman kematian tersebut telah dihantar kepada Kedutaan Kemboja pada 6 Julai 2016 dan mendapat kelulusan pengkebumian pada 15 Ogos 2016.
- Bagi kes-kes orang tahanan meninggal dunia di dalam depot tahanan atau meninggal dunia ketika menerima rawatan di hospital, kes-kes tersebut diuruskan mengikut butiran Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Malaysia Mengenai Tatacara Pengendalian Jenayah PATI Yang Meninggal Dunia Dalam Tahanan.
- Komandan Depot bertanggungjawab bagi membuat laporan polis serta merta tentang kejadian kematian di balai polis yang berdekatan, memastikan mayat si mati tidak diubah kedudukan sehingga ketibaan pegawai perubatan, pegawai polis dan Koroner sebelum mayat boleh dihantar ke hospital. Komandan Depot juga bertanggung jawab bagi mendapatkan sijil kematian dan membuat laporan tentang kematian tahanan kepada Ketua Pengarah Imigresen, Pengarah Imigresen Negeri, Pengarah Bahagian Penguatkuasa serta makluman kepada Wisma Putra dan kedutaan warga negara tahanan terlibat. Naskah penuh dokumen Arahan Tetap tersebut terkandung di dalam SOP Depot.
- Berdasarkan rekod di atas setiap kematian dan identiti si mati ada disebutkan dalam laporan polis oleh pegawai bertugas depoh dan sijil kematian dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara serta perakuan oleh pegawai perubatan yang menjalankan post-mortem.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

4. Kegagalan CCTV Berfungsi

Pemerhatian dan pemeriksaan EAIC mendapati 19 kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang di sekitar depot tetapi kesemua kamera tersebut tidak berfungsi semenjak tahun 2014. Pasukan penyiasat EAIC difahamkan faktor kekurangan kewangan menjadi sebab mengapa kamera litar tertutup tersebut masih tidak dibaikpulih sehingga kini.

EAIC dengan ini membuat kesimpulan, bahawa dakwaan kematian lima orang wanita Kemboja dan dua orang wanita Vietnam akibat daripada penggunaan kekerasan oleh Pegawai Imigresen di Depot Tahanan Imigresen Juru, Pulau Pinang adalah jelas tidak berasas.

Dalam pada itu EAIC juga akan menulis kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia supaya perhatian serius dan tindakan segera diambil untuk memperbaiki kemudahan yang sedia ada dan membaikpulih bangunan usang yang terdapat di Depot Tahanan Imigresen Juru serta menyegerakan kerja-kerja pembinaan bangunan Depot Tahanan Imigresen Juru yang baharu.

TAMAT

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM
Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
26 Ogos 2016